

Nasihat Mahathir kepada pelajar Malaysia di Korea Selatan

Amalkan etika kerja baik apabila pulang

UM 13 SEP 1990

SEOUL 12 Sept. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir menyeru tenaga pekerja di Malaysia agar menentukan pelaburan di negara itu beroleh keuntungan.

Dalam hubungan ini beliau tidak mahu mereka meniru sikap pekerja-pekerja di negara maju kerana kita masih berada di dalam negara yang sedang membangun.

Dr. Mahathir yang berucap pada majlis makan malam kelmarin dengan masyarakat Malaysia termasuk pelajar-pelajar di Hotel Shilla di sini seterusnya berkata: "Janganlah kita menggigit tangan yang menyuap kerana stakar bagi tangan itu untuk menyuap."

Beliau yakin bahawa pelajar-pelajar Malaysia yang dilatih di Korea Selatan dalam berbagai-bagai bidang akan mengamalkan etika kerja yang baik apabila mereka pulang kelak.

Beliau memberitahu mereka bahawa rakan-rakan mereka yang telah pulang ke tanah air lebih mudah mendapat kerja dari pelajar-pelajar yang pulang dari Amerika.

Katanya lagi, kedatangannya ke Korea adalah untuk menarik lebih banyak pelaburan Korea Selatan ke Malaysia kerana pada masa ini pelaburan mereka sangat kurang.

Adanya pelaburan Korea di Malaysia akan menjamin peluang pekerjaan khususnya bagi mereka yang dilatih dan belajar di Korea.

Beliau menyatakan keyakinan bahawa Malaysia juga akan dapat mencapai kejayaan seperti Korea Selatan yang dahulunya berada di belakang kiranya rakyat sanggup bekerja keras, rajin dan cekap.

"Dalam hal ini kita tidak boleh bersikap pura-pura mengatakan kita berjaya kiranya kita gagal dan kita tidak boleh marah kalau

Oleh
**Zainuddin
Maidin**

SEOUL



orang mengatakan kita tidak berjaya apabila kita sebenarnya gagal, katanya.

Bagaimanapun Dr. Mahathir berkata: "Kita mempunyai banyak sebab untuk mempunyai keyakinan bahawa kita akan dapat mencapai kejayaan yang setaraf dengan negara-negara maju kerana kita telah banyak berbeza dengan keadaan kita 30 tahun dahulu.

Beliau menyebut kejayaan Malaysia dalam pengeluaran kereta Proton Saga dan industri berat sebagai contoh projek-projek yang sebelumnya telah dicemuh dan ditentang.

Dr. Mahathir mengemukakan falsafahnya di dalam bekerja untuk pembangunan negara ialah "membangunkan negara suatu kerja kebajikan."

Kalau kita tidak membuatnya kerana kita tidak akan dapat melihatnya sendiri maka kita bekerja untuk kepentingan diri sendiri dan bukan untuk kepentingan generasi akan datang.

Perlu disebutkan bahawa ini adalah me-

rupakan lawatan Dr. Mahathir yang keempat ke Korea Selatan. Kali pertama beliau datang ke sini di dalam tahun 1965 ketika Korea berada di dalam kemiskinan.

Ketika itu, katanya, Korea mengeksport beras yang baik dan rakyatnya makan beras yang tidak baik "kerana mereka memerlukan wang asing."

Apabila beliau datang lagi di dalam tahun 70-an dan 80-an beliau menyaksikan peningkatan ekonomi Korea yang begitu ketara sekali di dalam pengeluaran barang-barang pembuatan ringan dan berat.

Sekarang mereka telah menguasai pasaran dunia di dalam pasaran Microwave oven, katanya.

Dr. Mahathir melihat perbezaan falsafah Korea dengan Jepun di dalam pembangunan negara.

Katanya, Korea suka membuat sesuatu secara besar-besaran, menanam pelaburan yang besar dan membuat barang-barang besar seperti kapal.

Secara berseloroh beliau berkata: "Apabila saya menyeru supaya ahli-ahli perusahaan dan perniagaan kita melakukan sesuatu yang besar, maka mereka lebih dahulu membeli Mercedes yang besar, sedangkan orang-orang Korea mulanya menaiki basikal untuk bekerja dan mencipta sesuatu yang besar."

Di dalam majlis makan malam tersebut, Dr. Mahathir telah beramah mesra dengan lebih 40 orang pelajar Malaysia dari berbagai kaum yang berada di sini.

Beliau yang sentiasa dikerumuni oleh pelajar-pelajar itu telah bergambar dengan mereka beberapa kali.